EliteLife Signature Heritage direka untuk membantu anda memelihara legasi tersebut dengan perancangan yang berwawasan dan fleksibel. Dengan pilihan mata wang rujukan yang sejajar dengan matlamat jangka panjang anda, pelan ini membantu mengekalkan nilai serta mengurangkan kesan turun naik kadar pertukaran.

Nilai Amaun Muka Warisan mengukuhkan perlindungan hayat anda agar kekal teguh dalam pelbagai keadaan.

Ke mana jua arah kehidupan, warisan anda terus terpelihara dengan melindungi apa yang telah anda bina.

*PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Manulife Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Manulife Insurance Berhad adalah ahli PIDM.



Melindungi Legasi dengan Komitmen Bayaran Premium yang Singkat

Nikmati tempoh bayaran premium selama 5 tahun dengan perlindungan sehingga umur 80 atau 99 tahun. Amaun perlindungan bermula dari RM500,000, dan boleh disesuaikan bagi menyokong perancangan legasi anda.



Perlindungan Dirujuk kepada Mata Wang Pilihan

- Sebanyak 5 mata wang ditawarkan sebagai Mata Wang Rujukan polisi: MYR, USD, SGD, GBP dan AUD.
- Perlindungan insurans bagi **EliteLife Signature Heritage** akan ditentukan dalam Ringgit Malaysia (MYR) berdasarkan Amaun Muka Rujukan dalam Mata Wang Rujukan pilihan anda.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk bahagian “Bagaimana EliteLife Signature Heritage Berfungsi” pada dokumen polisi yang berkaitan.



Perlindungan Insurans Berharga

MANFAAT KEMATIAN, KEHILANGAN UPAYA MENYELURUH DAN KEKAL (TPD) SERTA MANFAAT PENJAGAAN WARGA EMAS¹

Sekiranya berlaku kejadian malang, orang tersayang anda akan menerima jumlah yang tertinggi daripada yang berikut:

- Nilai Muka Asas;
- Nilai Amaun Muka Warisan; atau
- Nilai Akaun

MANFAAT KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN

Sekiranya kematian akibat kemalangan berlaku sebelum umur 70 tahun, pelan ini akan membayar 100% Nilai Muka Asas sebagai tambahan kepada Manfaat Kematian.



Sokongan Penyakit Kritikal

MANFAAT RAWATAN PENYAKIT KRITIKAL DI LUAR NEGARA²

- Bayaran balik kos yang ditanggung bagi mendapatkan rawatan penyakit kritikal di luar negara, sehingga 25% daripada Nilai Muka Asas.
- Meliputi penerbangan pergi balik untuk Orang Yang Diinsuranskan dan seorang peneman ke negara rawatan, serta elaun harian berdasarkan jumlah hari dimasukkan ke hospital di luar negara.

PENGECUALIAN BAYARAN PREMIUM PENYAKIT KRITIKAL

Menepikan premium masa depan polisi (tidak termasuk sebarang Premium Tambah Nilai Tetap) jika anda disahkan menghidap mana-mana satu penyakit kritikal yang dilindungi.



Ganjaran Tambahan dan Bonus³

BONUS PENYERTAAN

Terima **3% daripada Premium Insurans** yang dikreditkan ke dalam polisi anda apabila anda membayar premium anda untuk 2 tahun polisi pertama.

BONUS KESETIAAN

Terima **0.5% daripada Nilai Akaun** yang dikreditkan ke dalam akaun polisi setiap 2 tahun, mulai akhir Tahun Polisi Ke-10.

PENGGALAK PENDAPATAN

Pada akhir Tahun Polisi Ke-15 dan Ke-20, bonus khas **5.0% dan 8.0% daripada Nilai Akaun** akan dikreditkan ke dalam akaun polisi anda.



Manfaat Kematangan

Menerima pembayaran matang apabila polisi matang:

Tempoh Perlindungan	Manfaat
Sehingga umur 80 tahun	Nilai Akaun
Sehingga umur 99 tahun	Nilai tertinggi daripada: i) Nilai Muka Asas; ii) Nilai Amaun Muka Warisan; atau iii) Nilai Muka TAMBAH Penggalak Kematangan³ (iaitu 5% daripada Nilai Akaun)



Akses kepada Pelbagai Dana Berkaitan Pelaburan yang Diurus secara Profesional

Pilih daripada pelbagai dana yang ditawarkan untuk menyesuaikan portfolio pelaburan yang sejajar dengan matlamat kewangan serta tahap toleransi risiko anda.

Dana Tumpuan Global	Caj Pengurusan Dana
Manulife World – U.S. Equity Fund	1.50%
Manulife World – Healthcare Fund	1.50%
Manulife World – India Equity	1.50%
Manulife Global Equity Fund	1.50%
Manulife China Value Fund	1.50%
Manulife Asia-Pacific REIT Fund	1.50%
Manulife Dana Asia Pasifik	1.50%

Dana Tumpuan Tempatan	Caj Pengurusan Dana
Income Fund	0.75%
Managed Fund	1.35%
Manulife Dividend Fund	1.50%
Equity Fund	1.50%
Manulife Flexi Invest Fund	1.50%
Dana Ekuiti Dinamik	1.50%
Manulife Progress Fund	1.50%

Sila rujuk kepada Lembara Fakta Dana untuk butiran lanjut, yang boleh didapati di laman web Manulife di www.manulife.com.my



Manfaat Jaminan Tidak Luput²

Terus menerima perlindungan walaupun Nilai Akaun tidak cukup untuk membayar caj polisi dalam tempoh pembayaran premium.



Fleksibiliti

- **Pilihan Tetapan Semula Nilai Amaun Muka Warisan** – pilihan untuk menetapkan semula Nilai Amaun Muka Warisan kepada tahap perlindungan asal (iaitu bersamaan dengan Nilai Muka Asas).
- **Pilihan Manfaat Pembaharuan** – Bagi tempoh perlindungan sehingga umur 80 tahun, anda boleh memperbaharui polisi sehingga umur 99 tahun tanpa perlu melalui proses penilaian semula.
- **Keluarkan pelaburan anda⁴** apabila dan sekiranya diperlukan.
- **Tambah nilai dengan mudah** untuk meningkatkan simpanan.
- **Pertukaran dana tanpa had** untuk mengambil kesempatan daripada trend pasaran tanpa sebarang caj.



Manfaat Lain

DISKAUN CAJ INSURANS

Nikmati penjimatan ke atas caj insurans pelan asas seperti berikut:

- Diskaun 5% bagi jumlah perlindungan sebanyak RM1 juta dan ke atas
- Diskaun 8% bagi jumlah perlindungan sebanyak RM2 juta dan ke atas.

PENGIMBANGAN SEMULA DANA AUTOMATIK

Portfolio pelaburan anda akan diimbangi semula setiap suku tahun untuk memastikan campuran portfolio yang telah anda pilih kekal konsisten.

PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN

Anda mungkin layak mendapatkan pelepasan cukai pendapatan tertakluk kepada syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri.

LANGKAH

01

PILIH MATA WANG RUJUKAN ANDA

Mulakan dengan memilih **Mata Wang Rujukan** pilihan anda daripada **MYR, USD, SGD, GBP** atau **AUD**.



Ini membolehkan anda menyelaraskan perlindungan dengan mata wang yang paling menyokong matlamat kewangan anda, bagi memastikan perlindungan berasaskan ringgit kekal relevan dengan objektif jangka panjang serta membantu memelihara legasi yang ingin anda wariskan.

LANGKAH

02

TENTUKAN NILAI MUKA RUJUKAN ANDA

Setelah Mata Wang Rujukan dipilih, nyatakan **Nilai Muka Rujukan** di bawah mata wang yang dipilih tersebut.

Perlindungan Insurans EliteLife Signature Heritage

Perlindungan di bawah **EliteLife Signature Heritage** akan ditentukan dalam Ringgit Malaysia (MYR) berdasarkan **Nilai Muka Rujukan** yang anda pilih.

Manfaat Kematian adalah jumlah yang tertinggi daripada yang berikut:

- **Nilai Muka Asas;**
- **Nilai Amaun Muka Warisan;** atau
- Nilai Akaun

Di mana,

- **Nilai Muka Asas (dalam MYR) =**
Nilai Muka Rujukan x Kadar Pertukaran Diisytiharkan pada tarikh permulaan polisi.
- **Nilai Amaun Muka Warisan (dalam MYR) =**
Nilai Muka Rujukan x Kadar Pertukaran Diisytiharkan tertinggi sepanjang tempoh polisi.
Nilai Amaun Muka Warisan akan dikemas kini pada setiap Ulang Tahun Polisi.*

*Apabila Nilai Amaun Muka Warisan dikemas kini kepada jumlah yang lebih tinggi, perlindungan insurans akan meningkat dan mungkin menyebabkan caj insurans yang lebih tinggi. Tambahan premium mungkin diperlukan untuk mengekalkan atau memulihkan keberkekalan polisi.

Nota Penting: Keseluruhan polisi adalah didenominasikan dalam Ringgit Malaysia (MYR). Semua transaksi, termasuk bayaran premium, caj polisi, manfaat serta tuntutan insurans, hendaklah dibayar dalam MYR. Pertukaran Mata Wang Rujukan selepas pengeluaran polisi adalah tidak dibenarkan. Nilai Muka Asas minimum yang diperlukan ialah RM500,000.

Kadar Pertukaran Diisytiharkan – Manulife akan mengisytiharkan kadar pertukaran bagi setiap mata wang yang berkaitan untuk digunakan bagi **EliteLife Signature Heritage** pada setiap tahun. Kaedah pengisytiharan adalah berdasarkan purata kadar tengah yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia pada sesi jam 5.00 petang pada hari bekerja pertama dan hari bekerja terakhir bagi tahun kalendar sebelumnya.

Legasi yang kekal bernilai sepanjang masa

Encik Chan, seorang bapa yang berdedikasi, komited dalam membimbing anak-anaknya dengan menyediakan pendidikan berkualiti tinggi, nilai yang kukuh serta kemahiran penting untuk masa depan.

Beliau percaya bahawa warisan sebenar diwariskan melalui ilmu pengetahuan dan keupayaan, yang memperkasakan mereka untuk meneruskan legasi dengan yakin dan penuh tujuan.

Encik Chan berhasrat untuk menyediakan legasi bernilai USD1,000,000 juta melalui **EliteLife Signature Heritage**, dengan komitmen bayaran premium selama 5 tahun sahaja.



Nilai Muka Rujukan:
USD1,000,000

Nilai Muka Asas:
RM4,270,000*

Nilai Amaun Muka Warisan:
RM4,270,000*

Beliau menamakan anak lelakinya sebagai penerima manfaat.



Nilai Muka Rujukan:
USD1,000,000

Nilai Muka Asas:
RM4,270,000

Nilai Amaun Muka Warisan:
RM5,000,000#

Apabila Encik Chan meninggal dunia, anaknya akan menerima bayaran Manfaat Kematian sebanyak RM5,000,000 juta (bersamaan nilai USD1,000,000 juta) di bawah polisi **EliteLife Signature Heritage**.



Anaknya menggunakan dana tersebut untuk melanjutkan pengajian di luar negara. Setelah menamatkan pengajian, beliau kembali ke Malaysia untuk mengambil alih perniagaan keluarga.



Bayaran Manfaat Kematian:
RM5,000,000#

* Dengan andaian bahawa kadar pertukaran USD-kepada-MYR yang diisytiharkan pada tarikh permulaan polisi ialah 4.27.
Sila rujuk Ilustrasi produk untuk kadar pertukaran yang diisytiharkan dan digunakan pada tarikh permulaan polisi.

Dengan andaian bahawa pada masa tuntutan:

- kadar pertukaran USD-kepada-MYR yang diisytiharkan tertinggi sepanjang tempoh polisi ialah 5.00; dan
- Nilai Akaun adalah lebih rendah daripada Nilai Muka Asas dan Nilai Amaun Muka Warisan.

Sila rujuk ilustrasi produk, lembaran pendedahan produk dan/atau kontrak polisi untuk butiran penuh mengenai bayaran manfaat kematian.

Apakah Manfaat dan Perlindungan daripada **ELITELIFE SIGNATURE HERITAGE**?



Encik Lee, berumur 50 tahun, telah membeli **EliteLife Signature Heritage** berdasarkan Nilai Muka Rujukan sebanyak SGD250,000.

Polisinya akan dikeluarkan dengan **Nilai Muka Asas** sebanyak **RM807,500***.

Kekal dilindungi dan menikmati bonus selagi polisi anda masih berkuat kuasa

PEMBAYARAN KEMATANGAN

Nilai tertinggi daripada:

- Nilai Muka Asas;
- Nilai Amaun Muka Warisan; atau
- Nilai Muka + Penggalak Kematangan (5% daripada Nilai Akaun)

PENGALAK PENDAPATAN

5%

daripada Nilai Akaun akan dibayar

PENGALAK PENDAPATAN

8%

daripada Nilai Akaun akan dibayar

TAHUN POLISI ke-1

TAHUN POLISI ke-5

TAHUN POLISI ke-10

TAHUN POLISI ke-15

TAHUN POLISI ke-20

UMUR 70

UMUR 99

Premium Tahunan sebanyak **RM40,000** (dibayar selama 5 tahun)



BONUS PENYERTAAN

Tahun Polisi ke-1 hingga ke-2

Terima 3% daripada Premium Insurans

BONUS KESETIAAN

0.5% daripada Nilai Akaun akan dibayar setiap 2 tahun bermula dari akhir tahun polisi ke-10 hingga akhir tempoh polisi.

Pengecualian Bayaran Premium Penyakit Kritikal (5 tahun pertama) serta Manfaat Rawatan Penyakit Kritikal di Luar Negara

Perlindungan TPD

Manfaat Kematian Akibat Kemalangan

Perlindungan Kematian

Manfaat Penjagaan Warga Emas (terhad kepada RM2 juta setiap hayat)

Nota: Senario di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan dengan andaian premium dibayar sepenuhnya sehingga tarikh semasa serta tiada pengeluaran dibuat. Premium adalah berdasarkan risiko standard bukan perokok bagi tempoh perlindungan sehingga umur 99 tahun dan pelaburan 100% dalam Dana Ekuiti.

* Dengan andaian kadar pertukaran SGD kepada MYR yang diisytiharkan pada tarikh permulaan polisi ialah 3.23.

Maklumat Penting

Jenis Produk	Pelan insurans berkaitan pelaburan dengan tempoh pembayaran premium 5 tahun		
Tempoh Perlindungan	Sehingga Orang Yang Diinsuranskan umur 80 atau 99		
Umur Penyertaan Orang Yang Diinsuranskan	Tempoh Perlindungan	Minimum	Maksimum
	sehingga umur 80 sehingga umur 99	14 hari 14 hari	60 tahun 70 tahun
Nilai Muka Asas Minimum	RM500,000		

Premium dan Akaun Polisi

Premium Mod pembayaran tersedia: • Bulanan • Suku Tahunan • Separuh Tahunan • Tahunan	=	Premium Insurans • Minimum RM6,000/ setahun	+	Premium Tambah Nilai (Tidak Wajib) <table><tr><th>Premium Tambah Nilai</th><th>Premium Minimum</th></tr><tr><td>Tambah Nilai Tetap</td><td>RM100/setahun</td></tr><tr><td>Tambah Nilai Tetap Tambahan</td><td>RM100/setahun</td></tr><tr><td>Tambah Nilai Tunggai</td><td>RM1,000</td></tr></table>	Premium Tambah Nilai	Premium Minimum	Tambah Nilai Tetap	RM100/setahun	Tambah Nilai Tetap Tambahan	RM100/setahun	Tambah Nilai Tunggai	RM1,000
Premium Tambah Nilai	Premium Minimum											
Tambah Nilai Tetap	RM100/setahun											
Tambah Nilai Tetap Tambahan	RM100/setahun											
Tambah Nilai Tunggai	RM1,000											
Diperuntukkan kepada												
Nilai Akaun	=	Akaun Premium Insurans (IPA) Premium Insurans yang dibayar akan diperuntukkan kepada akaun ini <table><tr><th>Tahun Polisi</th><th>Peruntukan Premium</th></tr><tr><td>1-2</td><td>103%⁵</td></tr><tr><td>3 dan ke atas</td><td>100%</td></tr></table>	Tahun Polisi	Peruntukan Premium	1-2	103% ⁵	3 dan ke atas	100%	+	Akaun Premium Tambah Nilai (TUPA) 95% daripada Premium Tambah Nilai yang dibayar akan diperuntukkan kepada akaun ini		
Tahun Polisi	Peruntukan Premium											
1-2	103% ⁵											
3 dan ke atas	100%											

Caj Polisi

Caj Polisi di bawah akan dipotong setiap bulan daripada Nilai Akaun anda:

Caj Pentadbiran	Mod Pembayaran Premium Bulanan Mod lain	Caj Pentadbiran RM6.00 RM5.00
Caj Insurans	Jumlah dikenakan berbeza mengikut faktor seperti usia dicapai dan status merokok dll.	
Caj Pengurusan Dana	Antara 0.75% hingga 1.50%, bergantung kepada dana yang dipilih.	
Caj Premium Tertunda	8.50% setahun daripada Nilai Akaun di bawah IPA. Caj dikenakan semasa 5 tahun polisi pertama atau sehingga selesai potongan bulanan sebanyak 60 kali ganda, yang mana terkemudian.	
Caj Pertukaran Dana	Diketepikan	

Caj Bersyarat

Jika polisi anda berada dalam mana-mana senario berikut **sebelum tamat pemotongan Caj Premium Tertunda**, Caj Bersyarat berikut akan dikenakan.

Senario	Caj Bersyarat	Caj																					
Cuti Premium	Caj Cuti Premium ⁶	Caj Cuti Premium akan dipotong daripada IPA, berasaskan % Premium Insurans <table><tr><th>Tahun Polisi</th><th>Bilangan Pemotongan Caj Premium Tertunda</th><th>Peratusan Dikenakan</th></tr><tr><td>1</td><td>1 - 12</td><td>45%</td></tr><tr><td>2</td><td>13 - 24</td><td>35%</td></tr><tr><td>3</td><td>25 - 36</td><td>35%</td></tr><tr><td>4</td><td>37 - 48</td><td>20%</td></tr><tr><td>5</td><td>49 - 60</td><td>10%</td></tr><tr><td>6 dan keatas</td><td>T/B</td><td>T/B</td></tr></table>	Tahun Polisi	Bilangan Pemotongan Caj Premium Tertunda	Peratusan Dikenakan	1	1 - 12	45%	2	13 - 24	35%	3	25 - 36	35%	4	37 - 48	20%	5	49 - 60	10%	6 dan keatas	T/B	T/B
Tahun Polisi	Bilangan Pemotongan Caj Premium Tertunda	Peratusan Dikenakan																					
1	1 - 12	45%																					
2	13 - 24	35%																					
3	25 - 36	35%																					
4	37 - 48	20%																					
5	49 - 60	10%																					
6 dan keatas	T/B	T/B																					
Pengeluaran Sebahagian/ Serahan Penuh	Caj Pengeluaran Sebahagian/ Serahan Penuh ⁶	- Caj Pengeluaran Sebahagian akan dipotong daripada IPA berasaskan % jumlah yang dikeluarkan daripada IPA - Caj Serahan Penuh akan dipotong berasaskan % Nilai Akaun IPA <table><tr><th>Tahun Polisi</th><th>Bilangan Pemotongan Caj Premium Tertunda</th><th>Peratusan Dikenakan</th></tr><tr><td>1</td><td>1 - 12</td><td>35%</td></tr><tr><td>2</td><td>13 - 24</td><td>25%</td></tr><tr><td>3</td><td>25 - 36</td><td>15%</td></tr><tr><td>4</td><td>37 - 48</td><td>5%</td></tr><tr><td>5</td><td>49 - 60</td><td>2%</td></tr><tr><td>6 dan keatas</td><td>T/B</td><td>T/B</td></tr></table>	Tahun Polisi	Bilangan Pemotongan Caj Premium Tertunda	Peratusan Dikenakan	1	1 - 12	35%	2	13 - 24	25%	3	25 - 36	15%	4	37 - 48	5%	5	49 - 60	2%	6 dan keatas	T/B	T/B
Tahun Polisi	Bilangan Pemotongan Caj Premium Tertunda	Peratusan Dikenakan																					
1	1 - 12	35%																					
2	13 - 24	25%																					
3	25 - 36	15%																					
4	37 - 48	5%																					
5	49 - 60	2%																					
6 dan keatas	T/B	T/B																					

Hanya Caj Premium Tertunda adalah dijamin, manakala semua Caj Polisi yang lain adalah tertakluk kepada perubahan. Sekiranya terdapat sebarang perubahan, Manulife akan memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya 90 hari lebih awal kepada Pemegang Polisi.

Pengecualian

Kejadian yang tidak dilindungi:

1. Kematian disebabkan bunuh diri, sama ada dalam keadaan siuman atau tidak siuman, dalam masa 13 bulan dari Tarikh Pengeluaran atau Tarikh Penguatkuasaan Semula, yang mana kemudian.
2. Penyakit Kritikal, TPD, OAD dan kematian akibat kemalangan yang disebabkan oleh kecederaan yang disengajakan, keadaan sedia ada, perkhidmatan dalam tentera darat, udara dan laut semasa peperangan diisytiharkan atau tidak diisytiharkan dll.

Senarai pengecualian di atas adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Lembaran Pendedahan Produk atau kontrak polisi untuk butir-butir penuh pengecualian.

Nota Penting

1. Produk ini merupakan produk insurans yang terikat kepada prestasi aset-aset dasar dan bukan produk pelaburan tulen seperti unit amanah.
2. Sila ambil perhatian bahawa polisi insurans hayat adalah satu komitmen jangka panjang. Anda tidak dinasihatkan untuk memegang polisi ini bagi jangka yang pendek memandangkan ia mempunyai kos permulaan yang tinggi. Jika anda menamatkan polisi anda pada tahun-tahun yang awal, anda mungkin mendapat balik kurang daripada jumlah amaun yang anda telah bayar.
3. Anda hendaklah memastikan bahawa pelan ini menepati keperluan anda dan anda mampu membayar premium yang perlu dibayar di bawah kontrak polisi.
4. Anda diberi tempoh tenggang selama 30 hari dari setiap tarikh akhir pembayaran premium untuk membayar premium, di mana polisi adalah masih berkuat kuasa.
5. Jika premium tidak dijelaskan selepas tempoh tenggang, polisi anda akan dianggap sebagai cuti premium. Terdapat kemungkinan polisi akan luput apabila Nilai Akaun tidak cukup untuk menolak semua Caj Polisi yang berkenaan.
6. Anda diberi "Tempoh Percubaan Percuma" selama 15 hari dari tarikh penerimaan kontrak polisi untuk menilai kesesuaian pelan yang dibeli. Jika anda memulangkan kontrak polisi kepada Manulife dalam tempoh ini, sebarang premium yang tidak diperuntukan dengan semua Caj Polisi (tidak termasuk Caj Pengurusan Dana) dan Nilai Akaun pada kadar Nilai Aset Bersih, ditolak sebarang perbelanjaan perubatan yang telah digunakan akan dibayar balik kepada anda dan Polisi ini akan dibatalkan.
7. Pulangan pelaburan tidak dijamin disebabkan harga unit turun naik. Risiko pelaburan ini ditanggung sepenuhnya oleh pemilik polisi. Prestasi dana yang lalu tidak menggambarkan prestasi masa depan.
8. Premium dan/atau Caj Polisi, yang mana berkenaan, mungkin tertakluk kepada cukai-cukai yang diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa. Manulife berhak untuk menuntut daripada anda amaun yang bersamaan dengan cukai yang perlu dibayar bagi premium dan/atau Caj Polisi, yang mana berkenaan, pada kadar semasa. Kewajipan anda untuk membayar cukai-cukai tersebut akan termaktub dalam terma dan syarat polisi insurans anda.

Nota Penting (Samb.)

9. Alliance Bank berhak mendapat komisen berasaskan premium yang dibayar kepada polisi, dan komisen itu sepenuhnya ditanggung oleh Pemilik Polisi. Berikut ialah sampel komisen yang perlu dibayar berasaskan Premium Insurans RM10,000 setahun:

Tahun Polisi	Komisen (% Premium Insurans)	Komisen Sebenar Dibayar Setiap Tahun (RM)
1	10.00%	1,000
2	10.25%	1,025
3	12.50%	1,250
4	2.50%	250
5	2.25%	225

Bagi premium tambah nilai, komisen 3.75% perlu dibayar.

10. Semua usia dalam risalah merujuk kepada usia pada harijadi berikutnya.
11. Risalah ini bertujuan untuk memberi maklumat am sahaja dan tidak boleh dianggap sebagai kontrak insurans. **Anda harus merujuk kepada Ilustrasi Produk, Lembaran Pendedahan Produk dan kontrak polisi untuk maklumat terperinci manfaat, terma dan syarat.**
12. Untuk maklumat lanjut mengenai pelan insurans berkaitan pelaburan, sila rujuk kepada "Panduan kepada Pemilik Polisi berkaitan Pelaburan mengenai Perlindungan Insurans" di www.manulife.com.my.
13. Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Bahasa Cina, versi Bahasa Inggeris akan terpakai.

Nota-nota Produk:

- ¹ Perlindungan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD) adalah sehingga umur 70 tahun sahaja. Manfaat Kematian akan dikurangkan dengan sebarang bayaran TPD, Manfaat Penjagaan Warga Emas dan Manfaat Rawatan Penyakit Kritikal di Luar Negara yang telah dibuat.
- ² Tertakluk kepada terma dan syarat. Untuk Manfaat Rawatan Penyakit Kritikal di Luar Negara, sebarang pembayaran manfaat akan mengurangkan Manfaat Kematian dengan sewajarnya. Oleh itu, Nilai Muka Asas, Nilai Amaun Muka Warisan dan Nilai Akaun mungkin dikurangkan selepas pembayaran tuntutan.
- ³ Bonus Kesetiaan, Penggalak Pendapatan dan Penggalak Kematangan hanya terpakai kepada Nilai Akaun yang diperuntukkan daripada Premium Insurans dan Premium Tambah Nilai Tetap sahaja. Penggalak Pendapatan bagi Tahun Polisi ke-15 dan ke-20 adalah tertakluk kepada had masing-masing sebanyak 5% dan 8% daripada Nilai Muka Asas.
- ⁴ Tertakluk kepada yuran dan caj yang berkenaan.
- ⁵ Termasuk Bonus Penyerahan 3%.
- ⁶ Peraturan caj yang dikenakan adalah berdasarkan **Tahun Polisi**. Sekiranya IPA tidak mencukupi untuk menolak Caj Premium Tertunda, caj tersebut tidak akan ditolak daripada TUPA. Caj Premium Tertunda, Caj Cuti Premium, Caj Pengeluaran Separa dan Caj Penyerahan Penuh akan digantung selagi polisi kekal berkuat kuasa dengan Nilai Akaun dalam TUPA. Caj-caj tersebut akan disambung semula berdasarkan **Bilangan Pemotongan Caj Premium Tertunda**, sebaik sahaja IPA mempunyai Nilai Akaun yang mencukupi.

Lampiran

Manfaat Pembaharuan

Hanya sah jika anda membeli polisi dengan tempoh perlindungan sehingga umur Orang Yang Diinsuranskan 80 tahun.

Bagaimana polisi ini berfungsi?

- Polisi ini luput pada akhir tempoh perlindungan jika Pemilik Polisi membuat keputusan untuk tidak memperbaharui polisi sehingga umur 99 tahun. Anda akan menerima pemberitahuan daripada Manulife 90 hari sebelum Tarikh Luput polisi anda. Pemberitahuan tersebut akan memberikan pilihan dan butir-butir lanjut mengenai pembaharuan polisi sehingga umur 99 tahun tanpa pengunderaitan semula, selagi polisi masih berkuat kuasa pada masa pembaharuan.
- Semasa pembaharuan,
 - kedua-dua pelan asas dan rider, jika ada, akan dilanjutkan pada tahap perlindungan yang sama melainkan tuntutan sebahagian telah dibuat sebelum pembaharuan, dan dalam keadaan tersebut manfaat pelan asas dan rider akan dilanjutkan berasaskan baki Nilai Muka.
 - rider yang membayar manfaat pendapatan tahunan atau mengeneipkan premium tidak akan dilanjutkan.
 - rider tidak boleh dilanjutkan menjangkau tempoh perlindungan maksimum rider.
- Premium pada masa pembaharuan adalah tidak dijamin. Premium baharu yang perlu dibayar bagi perlindungan lanjutan mungkin berbeza dan bergantung kepada baki Nilai Akaun, umur hari jadi berikutnya semasa pembaharuan polisi dan keputusan pengunderaitan yang dikenakan sebelum pembaharuan.
- Manfaat Pembaharuan merupakan sambungan kepada polisi tanpa perubahan kepada terma dan syaratnya kecuali seperti yang dinyatakan di atas. Tempoh menunggu, tempoh pengecualian atau tempoh boleh dipertikaikan, yang mana berkenaan, tidak akan ditetapkan semula.

Jadual perbandingan bagi tempoh perlindungan berbeza untuk polisi insurans berkaitan pelaburan anda

Sebelum memilih tempoh perlindungan bagi polisi insurans berkaitan pelaburan, anda mungkin mahu mempertimbangkan anggaran premium yang perlu dibayar dalam senario berbeza. Jadual di bawah menunjukkan contoh berasaskan Orang Yang Diinsuranskan, Lelaki Bukan Perokok, berumur 40 tahun, Nilai Muka Asas **EliteLife Signature Heritage** RM500,000, tempoh pembayaran premium selama 5 tahun, tempoh perlindungan sehingga umur 70 tahun dan peruntukan 100% dalam dana yang berjenis ekuiti.

	Perlindungan awal anda	Jika anda membuat keputusan memperbaharui perlindungan sehingga umur 99 tahun	Pelan Alternatif: Jika anda membeli pelan ini dengan perlindungan sehingga umur 99 tahun
Tempoh Perlindungan	Perlindungan sehingga umur 80 tahun	Perlindungan sehingga umur 80 tahun + Pembaharuan sehingga umur 99 tahun	Perlindungan sehingga umur 99 tahun
Anggaran Premium Perlu Dibayar	RM1,200 perlu dibayar setiap bulan dari umur 40 tahun sehingga 45 tahun	RM1,200 perlu dibayar setiap bulan dari umur 40 tahun sehingga 45 tahun	RM2,438 perlu dibayar setiap bulan dari umur 40 tahun sehingga 45 tahun
		RM1,136 perlu dibayar setiap bulan dari umur 80 tahun sehingga 99 tahun	

- Anggaran premium adalah berasaskan unjuran keputusan masa depan. Premium mungkin berbeza mengikut masa, berasaskan prestasi dana, sebarang pengeluaran sebahagian yang dibuat, perubahan kepada polisi anda, premium dibayar setakat ini dan baki Nilai Akaun. Untuk membantu anda menguruskan polisi anda dengan lebih baik, pemberitahuan keberkekalan polisi tahunan akan disediakan untuk anda.

Maklumat tambahan tentang lanjutan Manfaat Pembaharuan akan diberikan kepada anda sekurang-kurangnya sekali setiap 5 tahun.

- Sila rujuk kepada Lembaran Pendedahan Produk yang disediakan oleh wakil sah bank anda untuk anggaran premium khusus yang perlu dibayar oleh anda.

Who can you talk to?

您可向谁查询详情? / *Siapa yang boleh anda hubungi?*

Should you require additional information about this plan, please contact your authorised bank representative or visit any Alliance Bank branch.

若您需要关于此计划的额外资讯, 请联络您的授权银行代表, 或亲临任何安联银行分行。
Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut tentang pelan ini, sila hubungi wakil sah bank anda atau kunjungi mana-mana cawangan Alliance Bank.

This product is underwritten by

本产品的承保公司 / *Produk ini ditaja jamin oleh:*

Manulife Insurance Berhad 200801013654 (814942-M),

A company licensed under Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.

一家依据2013年金融服务法令而获得营业执照的公司, 并受马来西亚国家银行管制。
Sebuah syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

HEAD OFFICE / 总公司 / *IBU PEJABAT*

Level 16 Menara Manulife
6 Jalan Gelenggang
Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur

Tel / 电话 : 6(03)-2719 9228

Website / 网址 / *Laman Web*: www.manulife.com.my

Customer Careline / 顾客关怀热线 / *Talian Bantuan Pelanggan*:
6(03)-2719 9112 / 1300-13-2323

This product is distributed by

此项产品的经销公司 / *Produk ini diedarkan oleh:*

Alliance Bank Malaysia Berhad

198201008390 (88103-W)

HEAD OFFICE / 总公司 / *IBU PEJABAT*

G-01 & G-02, Menara Alliance Bank
No. 159 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
www.alliancebank.com.my

Contact Centre Number : 03-5516 9988



Underwritten by: Manulife Insurance Berhad 200801013654 (814942-M)

03/2026



AllianceBankMalaysia



[alliancebankmalaysia](https://www.instagram.com/alliancebankmalaysia)



alliancebank.com.my